

19 NOV 2002
Negara-Bahas (Dr Mahathir)
PM LAYAK DILANTIK SEBAGAI SETIAUSAHA AGUNG PBB

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Seorang senator hari ini mencadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kerana kebolehannya memimpin di persada antarabangsa.

Senator Datuk Ghazi @ Hasbullah Ramli berkata keputusan Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan pada tahun depan tidak bermakna beliau tidak lagi mempunyai kebolehan memimpin sebaliknya ia membuka peluang kepadanya untuk berkhidmat di peringkat antarabangsa.

"Bila Dr Mahathir bersara, beliau patut menduduki jawatan sebagai Setiausaha Agung PBB kerana pertubuhan itu memerlukan pemimpin seperti yang bijak dalam mengendalikan masalah keselamatan dan keadaan semasa dunia," katanya ketika membahaskan Bajet 2003 pada persidangan Dewan Negara di sini, hari ini.

Beliau yang yakin bahawa masyarakat luar juga menyokong saranan itu berkata cadangan itu dibuat bukan sahaja berdasarkan kebolehan dan kehebatan Dr Mahathir tetapi juga di atas kepentingan untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam.

Sekiranya cadangan itu menjadi kenyataan, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula perlu dilantik sebagai Setiausaha Agung Persidangan Negara-negara Islam (OIC) bagi mempertingkatkan lagi usaha mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam masa kini, terutamanya daripada segi isu keganasan yang kini sering dikaitkan dengan Islam.

Senator Siti Zailah Mohd Yusoff pula mencadangkan kerajaan supaya mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap suami-suami yang mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai ketua keluarga.

Beliau mencadangkan hukuman sebat dikenakan terhadap suami yang mendera isteri mereka.

Kes perceraian yang semakin meningkat kini turut memberi kesan buruk kepada anak-anak, yang secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pertambahan kes-kes juvana.

Siti Zailah juga mencadangkan kerajaan memberikan kelonggaran cuti kepada kakitangannya untuk menjaga ibu bapa mereka yang sakit tenat.

Sementara itu, Senator Datuk Haji Ahmad Ismail, yang akan tamat tempohnya sebagai senator pada bulan depan setelah enam tahun memegang jawatan itu, mahu satu kajian diadakan bagi mengenal pasti cara mana isu kemiskinan di negara ini dapat diatasi.

Beliau berkata ini adalah kerana kini terdapat banyak kelemahan dalam mengatasi masalah itu, terutama daripada aspek pelaksanaan dan tindakan susulan oleh agensi dan badan kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi mengatasi masalah berkenaan.

Beliau berkata cara kerja dan pelaksanaan sistem bagi membantu rakyat miskin perlu diubah bagi memastikan masalah mereka dapat diberi perhatian.

Malah budaya masyarakat kini yang suka sangat mencipta dan memecah rekod terutama dalam perkara-perkara yang remeh diubah sesuai dengan menumpu tenaga dan masa bagi membantu rakyat miskin seperti membina rumah untuk mereka atau mengutip derma bagi membantu mereka.

"Banyak perkara perlu dilakukan untuk membantu rakyat miskin kerana ianya merupakan "bom jangka" sosial yang boleh meletup pada bila-bila masa," katanya.

Ahmad juga mempersoalkan sifat penyayang rakyat negara ini yang kini

berkurang.

Persidangan dewan di sambung esok.

-- BERNAMA

HK HK PR